



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ الْاِخْوَانِ الْاِسْلَامِيَّةِ سَابَاڤْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

03 MUHARRAM 1445H/ 21 JULAI 2023M

HIKMAH HIJRAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 18/07/2023

DIBACA PADA : 21/07/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN MOA'JIB

Enrolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH JUMAAT

HIKMAH HIJRAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

أَحْسِبُ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (العنكبوت (29):2)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah
SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya

dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khatib hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk; **“HIKMAH HIJRAH”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, kita telah masuk ke dalam bulan Muharram, menandakan masuknya tahun baharu Hijrah. Marilah sama-sama kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, yang telah memberikan nikmat-Nya kepada kita semua iaitu dengan menggunakan nikmat itu ke jalan yang diredhai-Nya dan bersyukur atas nikmat-Nya, barangsiapa bersyukur, nescaya Allah SWT akan menambah nikmat itu. Sebagaimana dalam Surah Ibrahim, ayat 7 Allah SWT berfirman;

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".”*

Sebagai usaha dan daya kita dalam meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, maka melalui datangnya Tahun Baharu Hijriyyah ini, marilah kita mengimbas dan melihat sejarah masa silam khususnya di masa perjuangan Nabi SAW dan para sahabat baginda ketika menegakkan agama Allah SWT.

Kisah perjalanan hijrah Nabi Muhammad SAW dari Kota Makkah ke Kota Madinah bersama beberapa orang sahabat mencatatkan banyak hikmah dan ibrah sama ada yang tersurat apatah lagi yang tersirat. Sebagai orang yang beriman kita wajib mengambil iktibar dari peristiwa ini. Kesusahan dan kepayahan yang dilalui oleh Rasulullah SAW bersama rombongan Muhajirin begitu sukar untuk digambarkan.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Peristiwa hijrah akan tetap relevan dikaitkan dengan konteks ruang dan waktu sekarang ataupun pada masa akan datang. Nilai-nilai yang terkandung dalam peristiwa hijrah itu tetap sesuai dijadikan rujukan kehidupan. Atas dasar iman, para sahabat Radhiallahu Anhum sanggup meninggalkan kampung halaman, meninggalkan harta benda mereka rela berpisah dengan orang yang dicintainya semata-mata memenuhi perintah Allah SWT.

Peristiwa hijrah juga mengajar kita untuk melaksanakan sesuatu ibadah itu dengan ikhlas semata-mata mengharapkan keredaan Allah Azza wa Jalla. Sebagaimana hadis sahih yang diriwayatkan daripada Saidina Umar ibn al-Khattab yang bermaksud:

“Setiap amalan perbuatan itu bergantung niatnya dan bagi setiap orang mendapatkan apa yang diniatkan. Barangsiapa yang niat berhijrah kepada (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya pada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang niat hijrahnya untuk mendapatkan dunia atau kerana wanita yang ingin

dinikahnya, maka hijrahnya sesuai apa yang dia niatkan” (Hadis riwayat al-Bukhari)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam kehidupan kita hari ini, pelbagai bentuk ujian dan cabaran yang menanti di setiap perjalanan kita. Ingatlah bahawa sesungguhnya ujian dan cabaran-cabaran itu tidaklah dapat sebanding dengan ujian-ujian yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW dan orang-orang terdahulu. Allah SWT tidak akan membiarkan orang-orang yang beriman hidup di atas dunia ini tanpa diuji. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ankabut ayat 2:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

Maksudnya: *“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”*

Dunia inilah tempat kita menyerahkan ketaatan kepada Allah SWT. Maka pastinya akan banyak halangan dalam kita melaksanakan sesuatu ibadah. Ulama menyenaraikan bahawa terdapat empat halangan bagi manusia untuk bermujahadah di atas dunia ini iaitu; dunia, manusia, nafsu dan syaitan. Berpenatlah sementara di dunia kerana kehidupan ini tidak kekal. Akhirat jua sebenar-benar kehidupan yang kekal dan semestinya kita lebih mengharapkan kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Mengambil hikmah dari peristiwa hijrah juga, kita hendaknya melakukan hijrah diri kepada akhlak yang lebih baik. Realiti hari ini menyaksikan bahawa sebahagian umat Islam, terutamanya, dari kalangan generasi muda semakin luntur akhlak dan adab mereka. Sebahagian manusia juga semakin meninggalkan kehidupan beragama dalam diri mereka sedangkan Islam jualah yang akan memandu mereka kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Al-Quran dan al-Sunnah semakin ditinggalkan bahkan sebahagian yang lainnya mempersenda dan mempertikaikan al-Quran dan al-Sunnah semata-mata kerana terlalu menurut hawa nafsu. Inilah fitnah akhir zaman yang menjadi kebimbangan kita semua. Kita semua bertanggungjawab dalam memperbetulkan keadaan ini. Laksanakanlah kehidupan beragama menurut al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang telah dipimpin oleh Rasulullah SAW. Ingatlah pesanan Baginda kepada kita melalui hadis berikut yang bermaksud:

“Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu : Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya SAW” **(Hadis riwayat Imam Malik)**

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin memetik beberapa hikmah yang boleh dijadikan pengajaran kepada sidang Jemaah sekalian;

Pertama: Persitiwa hijrah mengajar kepada kita bahawa tiap-tiap orang yang beriman itu akan sentiasa diuji berdasarkan kepada tahap keimanan masing-masing.

Kedua: Betapa kita perlu sentiasa memerhatikan niat dengan teliti dalam melakukan sesuatu perbuatan.

Ketiga: Tiap-tiap orang Islam bertanggungjawab dalam memperbetulkan keadaan akhlak umat Islam yang semakin lama semakin pincang ini.

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ

رَحْمَتَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(QS. al-Baqarah (2):218)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک سی خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتَةَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً ، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ .

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com